

## **PERMOHONAN RM1,500 WANG PENDAHULUAN PINJAMAN (WPP) PTPTN UNTUK PELAJAR DIPLOMA B40 IPTS**

Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) adalah inisiatif baru PTPTN berjumlah RM1,500 bagi pelajar baru Diploma B40 IPTS termasuk TAR UMT. Pelajar ditawarkan WPP akan dapat tunai tawaran WPP sebelum kelulusan pinjaman pendidikan. Pemotongan sebanyak RM500.00 setiap semester daripada jumlah pinjaman PTPTN akan dilakukan secara automatik apabila pinjaman diluluskan.

### **Syarat Kelayakan Penerima WPP Pelajar Diploma B40 IPTS**

1. Pelajar Warganegara Malaysia.
2. Penjaga pelajar/ Pelajar mestilah Penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR).
3. Pelajar hendaklah telah mendaftar semester satu (1) di IPTS (TAR UMT) bagi peringkat pengajian Diploma sepenuh masa selewat-lewatnya pada tarikh pendaftaran yang ditetapkan.
4. Pelajar hendaklah memohon WPP semasa membuat permohonan pinjaman (Kelompok Pertama sahaja) dengan login aplikasi myPTPTN dilaman web PTPTN mengikut Kemasukan/Pengambilan yang tertera di surat tawaran TAR UMT.
5. Tiada hutang pinjaman PTPTN.

### **Tarikh Permohonan & Semak/Cetak Tawaran WPP**

<b>Kemasukan TAR UMT (Intake)</b>	<b>Tarikh Permohonan WPP</b>	<b>Pendaftaran di TAR UMT sebagai Pelajar Baru</b>	<b>Jangkaan Tarikh Semak/Cetak Surat Tawaran WPP</b>	<b>Catitan</b>
Jun 2025	1-15 Jun 2025	Selewat-lewatnya 26 Jun 2025	9 Jul 2025	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tempoh sah laku tawaran WPP adalah 2 bulan dari tarikh dikeluarkan.</li><li>• Tawaran WPP boleh ditunai di mana-mana kaunter Bank Islam.</li></ul>
Nov 2025	1-15 Okt 2025	Selewat-lewatnya 28 Okt 2025	9 Nov 2025	
Jan 2026	1-15 Jan 2026	Selewat-lewatnya 27 Jan 2026	9 Feb 2026	

Student Financial Aid Unit  
Department of Student Affairs  
(Information updated in April 2025)